

## KATA HUBUNG

Pilih jawapan yang **paling sesuai** untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 Guru itu sering dipuji \_\_\_\_\_ rajin bekerja.  
A atau  
B jika  
C agar  
D kerana
  
- 2 Haji Shahrul Anuar bukan sahaja pemurah \_\_\_\_\_ baik hati.  
A dan  
B tetapi  
C manakala  
D walaupun
  
- 3 Rumainah bersorak terlalu kuat \_\_\_\_\_ suaranya serak.  
A hingga  
B tatkala  
C setelah  
D supaya
  
- 4 Pencuri memasuki rumah itu \_\_\_\_\_ penghuninya sedang tidur nyenyak.  
A agar  
B ketika  
C hingga  
D setelah
  
- 5 Encik Azmeer akan menghadiri mesyuarat di Kuala Lumpur pada minggu hadapan \_\_\_\_\_ bulan hadapan?  
A dan  
B lalu  
C atau  
D maka

- 6 Din mengambil surat itu \_\_\_\_\_ menyerahkannya kepada Rajoo.
- A lalu
  - B agar
  - C maka
  - D kerana
- 7 Charles lulus ujian itu \_\_\_\_\_ adiknya gagal.
- A dan
  - B serta
  - C tetapi
  - D malahan
- 8 Zamzarina berkata-kata \_\_\_\_\_ merenung wajah temannya.
- A kerana
  - B sambil
  - C maka
  - D lalu
- 9 Farzana \_\_\_\_\_ Mei Hua sangat gembira kerana mereka mendapat keputusan yang cemerlang dalam UPSR.
- A dan
  - B lalu
  - C tetapi
  - D walhal
- 10 \_\_\_\_\_ keluarga Wong tiba, datuknya tiada di rumah.
- A Semasa
  - B Setelah
  - C Supaya
  - D Sementara
- 11 Keluarga Chong Wei mungkin berpindah ke Johor \_\_\_\_\_ ke Melaka.
- A dan
  - B lalu
  - C atau
  - D agar

- 12 Encik Sulaiman berdoa \_\_\_\_\_ keluarganya sentiasa sihat.
- A untuk
  - B jikalau
  - C bahawa
  - D semoga
- 13 \_\_\_\_\_ pegawai kastam membuat pemeriksaan, barang seludup itu tiada padanya.
- A Semoga
  - B Sewaktu
  - C Supaya
  - D Setelah
- 14 Encik Lim menebas semak-samun \_\_\_\_\_ isterinya menyapu sampah.
- A apabila
  - B manakala
  - C walaupun
  - D sedangkan
- 15 Halim tetap dengan pendiriannya untuk berhijrah ke bandar \_\_\_\_\_ ditentang oleh ibunya.
- A sementara
  - B walaupun
  - C sejak
  - D agar
- 16 Hamid tidak datang ke sekolah \_\_\_\_\_ minggu lepas.
- A semenjak
  - B sewaktu
  - C kerana
  - D selagi
- 17 Murid-murid diminta beratur \_\_\_\_\_ menaiki bas.
- A ketika
  - B setelah
  - C semenjak

- D sementara
- 18 Landskap itu dibina oleh guru-guru, ibu bapa \_\_\_\_\_ murid-murid sekolah itu.
- A lalu  
B maka  
C serta  
D atau
- 19 \_\_\_\_\_ menonton drama lucu itu, mereka ketawa berdekah-dekah.
- A Apabila  
B Kerana  
C Sambil  
D Semasa
- 20 Izuddin masuk ke kelas \_\_\_\_\_ Cikgu Norman sedang mengajar.
- A sementara  
B malahan  
C tatkala  
D sambil
- 21 Ekspo pertanian itu akan dilanjutkan tempohnya \_\_\_\_\_ mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk tempatan.
- A jika  
B ketika  
C hingga  
D sementara
- 22 Makanlah makanan yang berkhasiat \_\_\_\_\_ badan kamu sentiasa cergas.
- A jika  
B sejak  
C kerana  
D supaya
- 23 Setelah beberapa buah teks yang ditahan tidak berhenti, \_\_\_\_\_ Azmin mengambil keputusan untuk berjalan kaki sahaja ke bandar.
- A dan  
B lantas  
C manakala

- D sementara
- 24 Tetamu itu bangun \_\_\_\_\_ turun ke serambi.
- A dan  
B lalu  
C maka  
D setelah
- 25 Manjeet berkata \_\_\_\_\_ dia pasti akan mengikuti rombongan sambil belajar ke Putrajaya itu.
- A bahawa  
B seraya  
C maka  
D agar
- 26 Ibu tua itu memeluk anaknya \_\_\_\_\_ membelai rambutnya.
- A serta  
B walhal  
C malahan  
D kendatipun
- 27 Pak Mat mengumpul nira \_\_\_\_\_ dibuat manisan dan tuak.
- A setelah  
B semasa  
C untuk  
D bagi
- 28 \_\_\_\_\_ hujan turun, pasukan bola sepak itu masih bermain di padang.
- A Semoga  
B Tatkala  
C Hingga  
D Supaya
- 29 \_\_\_\_\_ letih, pelumba basikal itu meneruskan kayuhannya sehingga ke garisan penamat.
- A Tatkala  
B Semasa

- C Sungguhpun  
D Walau bagaimanapun
- 30 Pertahanan negara perlu diperkuat \_\_\_\_\_ keamanan negara sentiasa terjamin.  
A agar  
B untuk  
C hingga  
D bahawa
- 31 Sri Devi tidak akan makan \_\_\_\_\_ ibu tidak memujuknya.  
A setelah  
B apabila  
C sekiranya  
D sementara
- 32 Setelah mendapati rakan-rakan lain berdiam diri, Rodiah \_\_\_\_\_ mengangkat tangan untuk menjawab soalan Matematik itu.  
A maka  
B lantas  
C sambil  
D justeru
- 33 Sekumpulan pekerja sedang berehat sambil berbual-bual \_\_\_\_\_ menyambung tugas masing-masing.  
A sementara  
B semenjak  
C sebelum  
D semasa
- 34 Bukan Amirul sahaja yang pemurah \_\_\_\_\_ anaknya juga dermawan.  
A malahan  
B namun  
C tetapi  
D maka
- 35 \_\_\_\_\_ kita berusaha dengan bersungguh-sungguh, kita pasti berjaya.  
A Semenjak

- B Sekiranya  
C Semasa  
D Selagi
- 36 \_\_\_\_\_ sebelum kejadian itu berlaku, mereka kelihatan bermain bola di tepi pantai.  
A Apabila  
B Justeru  
C Sejurus  
D Ketika
- 37 Wafiy akan terus berusaha \_\_\_\_\_ cita-citanya untuk menjadi seorang angkasawan belum tercapai.  
A sementara  
B walaupun  
C apabila  
D selagi
- 38 Sampah itu dikutipnya \_\_\_\_\_ dibuangnya ke dalam tong sampah.  
A seraya  
B apabila  
C bahawa  
D kemudian
- 39 \_\_\_\_\_ menunggu bas, Norita membaca buku cerita.  
A Setelah  
B Jikalau  
C Walaupun  
D Sementara
- 40 Perlawanan itu akan dibatalkan \_\_\_\_\_ hujan turun dengan lebatnya.  
A semoga  
B kerana  
C jikalau  
D untuk
- 41 Naemah \_\_\_\_\_ ibunya memasak di dapur, \_\_\_\_\_ kakaknya membasuh pakaian

- A dan ..... lalu  
B dan .....maka  
C dan.....manakala  
D dengan...sementara
- 42 Perangai Adilah \_\_\_\_\_ lama \_\_\_\_\_ menjadi-jadi.  
A makin.....makin  
B makin.....malah  
C setelah....makin  
D setelah....semoga
- 43 Usah kita bersikap kasar terhadapnya, \_\_\_\_\_ dia seorang yang sombong.  
A walhal  
B apabila  
C kendatipun  
D sementara
- 44 \_\_\_\_\_ bijak \_\_\_\_\_ Rahman tidak bersikap sombong.  
A Sungguhpun ..... namun  
B Bukan sahaja ..... bahkan  
C Entah ..... entah  
D Walhal ..... maka
- 45 \_\_\_\_\_ tidak disangka, \_\_\_\_\_ dia nampak baik orangnya.  
A Namun..... tetapi  
B Lantaran .....tetapi  
C Sungguh .....walhal  
D Justeru .....supaya
- 46 Azizah masih belum pulang \_\_\_\_\_ hari sudah lewat senja.  
A meskipun  
B jikalau  
C bagaimanapun  
D walau bagaimanapun
- 47 \_\_\_\_\_ memaksa Encik Hamzah hadir dalam mesyuarat itu adalah tidak wajar.



- A Andai kata  
B Tatkala  
C Ketika  
D Untuk
- 48 Senaman \_\_\_\_\_ dapat menyihatkan badan \_\_\_\_\_ dapat mencerdaskan minda.  
A bukan sahaja ..... malahan  
B bukan sahaja ..... dan  
C makin.....lalu  
D makin .....makin
- 49 “\_\_\_\_\_ masalah yang besar, masalah yang kecil ini \_\_\_\_\_ tidak dapat kamu selesaikan,” kata David kepada Zarif.  
A Apatah lagi ..... sungguhpun  
B Mahupun .....sementara  
C Jangankan .....pun  
D Entah .....entah
- 50 \_\_\_\_\_ keadaan di kawasan tasik itu sunyi, \_\_\_\_\_ Hamdan agak berani memancing di situ berseorangan.  
A Sungguhpun .....lantas  
B Sehingga .....malahan  
C Apabila .....lantaran  
D Meskipun .....namun
- 51 Dermawan itu \_\_\_\_\_ menghulurkan derma bagi meringankan beban keluarga fakir miskin tersebut, \_\_\_\_\_ mendirikan rumah bagi mereka.  
A sedangkan ..... apatah lagi  
B bukan sahaja ....tetapi juga  
C semakin .....semakin  
D jangankan.....pun
- 52 Orang tua itu menderita seorang diri di kampung \_\_\_\_\_ anak-anaknya hidup senang di kota.  
A jikalau  
B bahkan  
C sedangkan  
D sementara

- 53 \_\_\_\_\_ ibu bapanya meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya, Mariam tidak seriang dahulu lagi.
- A Semenjak
  - B Apabila
  - C Ketika
  - D Maka
- 54 Ridhwan yang sudah menjawat jawatan pengurus bank berjanji akan membiayai persekolahan kelima-lima orang adiknya itu \_\_\_\_\_ dia mampu.
- A sementara
  - B sebelum
  - C semoga
  - D selagi
- 55 Pasukan bola sepak itu akan menundukkan lawannya \_\_\_\_\_ rembatan dan tendangan yang hebat.
- A semasa
  - B dengan
  - C untuk
  - D demi
- 56 \_\_\_\_\_ datuk masih muda, beliau tinggal di Kelantan.
- A Seandainya
  - B Sekiranya
  - C Tatkala
  - D Apabila
- 57 Cahaya lampu minyak tanah itu \_\_\_\_\_ lama \_\_\_\_\_ malap
- A sedangkan .....inikan pula
  - B walaupun .....namun
  - C entah .....entah
  - D kian.....kian
- 58 \_\_\_\_\_ menanti jemputan kehormat tiba, para hadirin berkenalan \_\_\_\_\_ bertanyakan khabar.
- A Sementara .....sambil
  - B Semenjak .....dan
  - C Sambil .....lalu
  - D Selagi .....dan

- 59 Aiman tetap yakin ..... .. pemuda itulah yang patut dipersalahkan dalam pertikaian tersebut.
- A sungguhpun
  - B meskipun
  - C bahawa
  - D lantas
- 60 Disebabkan Robert selalu menipu \_\_\_\_\_ dia tidak disenangi oleh rakan-rakannya.
- A sedangkan
  - B kemudian
  - C seraya
  - D maka

**JAWAPAN KATA HUBUNG**

1	D	31	C
2	B	32	B
3	A	33	C
4	B	34	A
5	C	35	B
6	A	36	C
7	C	37	D
8	B	38	D
9	A	39	D
10	A	40	C
11	C	41	C
12	D	42	A
13	B	43	C

**LATIH TUBI TATABAHASA : KATA HUBUNG**

---

---

14	B	44	A
15	B	45	C
16	A	46	A
17	A	47	D
18	C	48	A
19	D	49	C
20	C	50	D
21	A	51	B
22	D	52	C
23	B	53	A
24	B	54	D
25	A	55	B
26	A	56	C
27	C	57	D
28	B	58	A
29	C	59	C
30	A	60	D

